

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Monday, 3 April, 2017 10:50 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: CEO ALUMNI TALK: INSPIRASI BERSAMA DATO' SHAREEN AL-MASHOOR



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE

College of Law, Government and International Studies

Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

03 APRIL 2017 / 06 REJAB 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

CEO ALUMNI TALK: INSPIRASI BERSAMA DATO' SHAREEN AL-MASHOOR



PPA COLGIS ONLINE : “Chombi CUN, Chombi KAYA, HUBBY Pun Suka” tema program CEO Alumni Talk anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni (PPA) UUM COLGIS dengan kerjasama Persatuan Hal Ehwal Antarabangsa (INTAFF) bertempat di Dewan Seminar B, Pusat Konvensyen pada 27 Mac 2017.

Dato Shareen Al Mashoor merupakan Pengarah Urusan Syarikat PM Gift Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat serta pengilang dan pengeluar cenderamata korporat bagi syarikat gergasi seluruh dunia termasuk Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), Malaysian Airline System Berhad (MAS) dan beberapa syarikat gergasi di seluruh dunia. Beliau juga merupakan pengasas kepada produk kecantikan dan kesihatan iaitu Suo-So Skin dan Sua Rama.

“Saya dahulu tidak pernah mendapat Anugerah Dekan tetapi saya sedar saya perlu menggilap bakat yang ada iaitu berniaga. Maka saya kerap berniaga ketika masih belajar. Siang malam saya asyik mencari duit dengan banyak menjual tudung, barang-barang dari Thailand dan apa saja yang boleh diniagakan kerana mak bapa saya bukannya orang berada kerana mereka hanya kakitangan kerajaan sahaja. Semasa kawan-kawan ghairah bercinta, saya tiada masa untuk semua itu kerana saya ingin kaya, dan saya suka tengok orang kaya dan cantik” katanya.

Mengimbau kembali kenangan ketika di bangku universiti, beliau menjelaskan, “hanya dua orang sahaja pensyarah yang saya suka masa itu, iaitu Profesor Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak dan Encik Asrar Omar. Kelas mereka saya tidak pernah ponteng kerana mereka adalah favourite lecturer saya. “

Kaya dan cantik adalah inspirasi Dato Shareen yang membuatkan beliau terus mara ke hadapan dalam perniagaan beliau setelah bergraduasi pada tahun 2002 dalam program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Hal Ehwal Antarabangsa di UUM.

Majlis ini turut diserikan lagi dengan kehadiran dua artis jemputan iaitu Illey Mohtada dan Daié Syed Shah Iqmal. Mereka berdua telah menggamatkan dewan seminar yang penuh sesak dengan kehadiran seramai 300 peserta dari kalangan pelajar UUM COLGIS dan UUM COB. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Rusdi Omar, Dekan PPA COLGIS. Turut hadir di dalam majlis ini ialah Encik Syamsyul Anuar Che Mey @ Ismail, Pengarah Pusat Alumni, Pegawai Kanan dan kakitangan PPA COLGIS.

Habis.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.